

30/09/1998

Perdebatan PM-Kit Siang lebih sejam

PERSIDANGAN Khas Dewan Rakyat semalam riuh apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (BN-Kubang Pasu) dan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) `bertikam lidah' membabitkan pelbagai isu daripada pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hingga isu peraturan mesyuarat.

Perdebatan antara kedua-dua mereka berlarutan lebih sejam hingga memaksa Yang Dipertua Dewan, Datuk Ong Tee Kiat, mengarahkan Lim berhenti berhujah berdasarkan Perkara 36 (1) Peraturan Mesyuarat.

Beberapa ahli Dewan termasuk Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) dan Datuk Sukri Mohamed (BN-Machang) juga bangkit meminta Yang Dipertua menggunakan kuasa menghentikan perdebatan itu.

Perdebatan antara kedua-dua pemimpin berkenaan sudah dijangka kerana ia adalah pertemuan pertama mereka dalam persidangan Dewan Rakyat selepas isu pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet dan pelbagai persoalan seperti masalah ekonomi negara yang dihadapi sekarang.

Dewan menjadi gamat apabila Dr Mahathir menyindir Lim yang bersuara seolah-oleh mewakili Pas ketika menjawab dakwaan Lim kononnya persidangan tidak pernah adil kepada parti pembangkang.

"Saya terkejut bila Yang Berhormat bercakap seolah-olah jurucakap kepada Pas. Saya harap Pas bagi izinlah kepada Yang Berhormat untuk mewakilinya," katanya.

Perdana Menteri membidas DAP yang kononnya mempunyai semangat untuk menegakkan undang-undang, sebaliknya terbabit dalam beberapa perhimpunan haram anjuran penyokong Anwar.

Dr Mahathir berkata, Lim yang bercakap mengenai pemeliharaan undang-undang, tetapi partinya sendiri terbabit dalam demonstrasi yang menyekat perbicaraan ke atas Anwar dilakukan secara tertib.

"Adakah ini semangat memelihara undang-undang. Ada demonstrasi untuk menunjukkan keburukan negara kita kepada orang asing, bersubahat dengan media asing untuk memberi laporan tidak betul.

"Adakah itu semangat yang ada pada parti pembangkang itu," katanya menjawab soalan Lim yang membidas cara kerajaan menegakkan keadilan dalam kes Anwar.

Sambil menyifatkan dakwaan Perdana Menteri sebagai tidak berasas dan bernas, Lim berkata beliau membangkitkan perkara itu bukan untuk membela Anwar, tetapi mempersoalkan cara kerajaan menegakkan keadilan.

Lim turut mempersoalkan cara perbahasan Dewan Rakyat diadakan kerana masa yang mencukupi tidak diberi untuk membahaskan sesuatu usul dan meminta supaya satu perbahasan yang lebih bermakna diadakan.

Sementara itu, Perdana Menteri menegur pembangkang kerana menyalahgunakan peraturan pengurusan Dewan Rakyat untuk kepentingan ahlinya membawa usul dengan ucapan yang panjang lebar.

Dr Mahathir berkata, beliau percaya dengan menyalahgunakan peraturan itu melalui ucapan yang panjang lebar, parti pembangkang mengetahui perbahasan tidak akan diadakan.

"Dengan itu dia sudah mencapai matlamat untuk membuat penjelasan. Mereka juga mencapai matlamat supaya pihak kerajaan tidak menjawab kerana usul itu tidak diterima.

"Ini adalah satu lagi cara penyalahgunaan peraturan Dewan untuk kepentingan ahli pembangkang," katanya menjawab soalan Karpal Singh (DAP-Jelutong) yang tidak berpuas hati dengan mendakwa kandungan rang undang-

undang yang mahu dibahaskan diberi lewat.

Menurut Perdana Menteri, beliau menghormati Karpal Singh sebagai peguam yang terkenal di seluruh dunia.

Beliau berkata, oleh itu untuk membaca dan memahami kandungan rang undang-undang itu, Karpal mungkin hanya memerlukan masa lima minit dan ia tidak menjadi masalah bagi beliau.

Justeru, Perdana Menteri menasihatkan Ahli Parlimen yang tidak berpuas hati kepada peraturan yang mengawal pengurusan Dewan Rakyat, membawa cadangan supaya jika ada peraturan yang boleh dipinda.

"Setakat yang kita tahu, kita ikut peraturan dengan mengedarkan rang undang-undang itu Sabtu lalu. Jika ada antara ahli yang tidak memperolehnya bukan tanggungjawab saya," katanya.

Sebanyak lima rang undang-undang akan dibahaskan hari ini dan esok iaitu Rang Undang-Undang Sekuriti, Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti, Rang Undang-Undang Suruhanjaya Sekuriti dan Rang Undang-Undang Niaga Hadapan serta Rang Undang-Undang Syarikat.

(END)